

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR]**
TARIKH : **12.6.2014**
SOALAN :

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) Peruntukan dana kos perbelanjaan bagi Program Makanan Tambahan Seimbang untuk tahun 2014, bilangan keluarga di seluruh negara untuk setiap negeri (14 negeri) dan setiap kawasan Parlimen (222 Parlimen) yang terlibat dalam program ini; dan
- (b) Bilangan kes di seluruh negara untuk setiap negeri (14 negeri) dan setiap kawasan Parlimen (222 Parlimen) yang mana makanan tidak dihantar dan / atau gagal dihantar kepada kanak-kanak kumpulan sasaran yang berumur 12 tahun ke bawah dan bersekolah yang mengakibatkan pembaziran makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kerajaan amat prihatin dalam membantu murid yang memerlukan bagi memastikan proses pembelajaran mereka sempurna. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membekalkan makanan tambahan ke sekolah-sekolah melalui Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

Pada tahun 2014, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM276,078,600.00 untuk murid-murid miskin seramai 543,077 orang bagi RMT. Bagi memastikan murid

mendapat makanan yang berkasiat dan seimbang, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan 20 menu dengan menetapkan sukatan bahan dan kandungan kalornya. Pihak sekolah boleh memilih lima (5) menu secara bergilir-gilir.

Rjm65

SOALAN (142)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]**

SOALAN :-

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status semua program pengasingan sisa pepejal di peringkat punca dan sama ada apa-apa rancangan untuk menguatkuasakan pengasingan sisa di peringkat punca dengan menggunakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal 2007.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengasingan sisa disumber telah pun diperkenalkan melalui penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] dibawah seksyen 74. Bagi melaksanakan peruntukan dalam Akta ini, Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Bagi Sisa Pepejal Isi rumah dan Sisa Pepejal Yang Serupa Dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011 telah dikuatkuasakan dimana seksyen 14(2) menyatakan dengan jelas keperluan penghuni premis untuk mengasingkan sisa.

Disamping penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan juga menghendaki Syarikat konsesi yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal isi rumah, mengutip sisa pepejal yang boleh dikitar semula yang telah diasingkan sekali dalam seminggu dinegeri-negeri yang menggunakan Akta 672. Adalah disasarkan bahawa menjelang 1 September 2014 syarikat konsesi akan melaksanakan sistem kutipan sedemikian disemua PBT dinegeri-negeri berkaitan. Pada ketika ini

hampir semua Bandaraya dan Majlis Perbandaran telah menerima perkhidmatan sedemikian.

Bagaimanapun sisa yang boleh dikitar semula yang dikutip melalui perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi adalah rendah atas faktor-faktor seperti berikut:

- i. Penduduk telah menjual barangan kitar semula mereka kepada pusat-pusat penjualan barangan kitar semula;
- ii. Barangan kitar semula yang dasingkan telah dikutip lebih awal oleh pengusaha barangan kitar semula; dan
- iii. Kesedaran penduduk mengenai sistem kutipan ini masih lagi rendah. Bagi mengatasi perkara ini beberapa langkah telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:
 - a) Melaksanakan sistem pengasingan dipunca secara mandatori selewat-lewatnya pada September 2015; dan

- b) Mengadakan kempen kesedaran untuk mendidik penduduk mengenai sistem kutipan sisa yang boleh dikitar semula.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jun 2014